



20 SEP, 2023

ECoS meterai dua MoU dengan Petronas, UMS



Harian Ekspres (KK), Malaysia

Page 1 of 2

ECoS meterai dua MoU dengan Petronas, UMS

Larry Ralon

KOTA KINABALU: Suruhanjaya Tenaga Sabah (ECoS) menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Petronas dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) masing-masing di sini Selasa, sempena pelancaran Pelan Hala Tuju dan Pelan Induk Tenaga Sabah 2040 (SE-RAMP 2040).

Disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor, MoU pertama adalah kerjasama strategik dalam bentuk pen-erokaan dan kajian serta penyelidikan teknologi tenaga baharu bersama Petronas (Bahagian Penyampaian Projek dan Teknologi) dengan meman- faatkan keupayaan kemudahan di Pusat Penyelidikan Petronas dalam bidang berkaitan.

MoU kedua ialah kerjasama dalam pembangunan modal insan dalam bidang kompetensi dalam sektor tenaga dan kerjasama dalam bentuk kajian dan penyelidikan tenaga serta pembangunan garis panduan teknikal dan keselamatan bersama UMS Investment Holdings Sdn Bhd

(anak syarikat UMS).

Ketua Pegawai Eksekutif ECoS Datuk Ir. Abdul Nasser Abdul Wahid, ketika menjelaskan perkara itu berkata ECoS turut mengucapkan tahniah kepada UMS kerana berjaya menjadi pusat latihan pertama di Sabah untuk program Kecekapan Gas yang ditauliahkan oleh ECoS pada Jun lalu.

“Ia juga akan memberi banyak man- faat kepada pelbagai pihak dalam usaha membangunkan modal insan dalam industri bekalan gas di Sabah yang sebelum ini hanya bergantung kepada pusat latihan di Semenanjung Malaysia.

“Sememangnya pencapaian ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan akan menjadi suntikan semangat untuk pencapaian lain yang telah dirancang,” tambah- nya.

Terdahulu, Ketua Menteri melan- carkan SE-RAMP 2040 untuk menangani keperluan jangka pendek negeri sam- bil membina daya tahan jangka pan- jang industri tenaga masa depan.